



EDI Suhaimi Bakar (tengah) menerangkan kepada Ir Dr. Mohd. Saleh Jaafar (kanan) penggunaan mesin 'V-Grooving' untuk menjadikan buluh sebagai kepingan rata pada sidang akhbar di Kuala Lumpur, semalam.



KAYU buluh dimampatkan melalui kaedah 'V-Grooving' untuk dijadikan kepingan papan.

UPM temui inovasi jadikan buluh pengganti kayu

KUALA LUMPUR 14 Ogos - Penggunaan buluh sebagai alternatif bagi kayu dapat diperluaskan lagi dengan penemuan inovasi baru oleh penyelidik Fakulti Perhutanan, Universiti Putra Malaysia (UPM) melalui kaedah 'V-Grooving' bagi merubah batang buluh dari bentuk silinder kepada kepingan rata.

Ketua Penyelidikinya, Prof. Madya Dr. Edi Suhaimi Bakar percaya melalui kaedah tersebut, hasil yang diperolehi dapat menjadi alternatif kepada kayu kerana sifatnya yang sama.

"Kaedah ini belum lagi dibuat di dalam mahu pun luar negara. Inovasi ini menjadikan buluh sebagai kepingan rata bagi kegunaan pembuatan papan buluh laminasi (PBL) dan pelbagai pro-

duk kayu.

"Kaedah ini hanya melibatkan proses singkat dan mesin V-Grooving yang ringkas sehingga boleh menjimatkan masa dan mengurangkan kos pengeluaran, namun dapat menghasilkan produk berkualiti berbanding kaedah biasa digunakan iaitu belah dan bersegi melibatkan proses yang panjang," katanya pada sidang akhbar Putra Cipta Siri 7/2012 di sini hari ini.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Saleh Jaafar dan Dekan Fakulti Perhutanan, Prof. Datin Dr. Faridah Hanum Ibrahim.

Tambah Edi Suhaimi, kaedah itu dapat dikendalikan oleh pekerja separa mahir dan digunakan dalam

industri kecil dan sederhana di samping mencipta peluang pekerjaan serta penjana pendapatan baru.

Sementara itu, Mohd. Saleh berkata, pihaknya menyasarkan inovasi baru itu dapat dikomersialkan pada tahun ini.

"Banyak pihak industri telah berminat dengan kaedah V-Grooving yang kita tunjukkan dalam pameran. Kita juga telah mempatenkannya dan memenangi pingat emas dalam Pameran Rekacipta Penyelidikan dan Inovasi (PRPI) di sini awal tahun ini.

"Kita juga menjemput pihak yang berminat untuk bekerjasama dengan kami bagi membangunkan kaedah itu bagi dikomersial dan digunakan dalam industri," ujarnya.